

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselor)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 15/11/2016

Muka surat: 3

Tajuk : Jabu terima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Transformasi Komuniti Luar Bandar



TERIMA: Tun Taib menyampaikan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Transformasi Komuniti Luar Bandar kepada Jabu.

Jabu terima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Transformasi Komuniti Luar Bandar

KOTA SAMARAHAN: Bebas Timbalan Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Transformasi Komuniti Luar Bandar daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Anugerah itu disampaikan Yang di-Pertua Negeri Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud pada Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-20 di Arena Gemilang DeTAR Putra di sini semalam.

Jabu yang juga Pro Canselor UNIMAS menerima anugerah itu bagi menghargai

sumbangan yang telah beliau berikan dalam memajukan masyarakat luar bandar di negeri ini.

“Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada UNIMAS kerana memberi penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah pada hari ini,” kata Jabu dalam ucapan terima kasihnya pada majlis itu semalam.

Pada Konvokesyen UNIMAS Ke-20 menyaksikan seramai 4,275 graduan menerima ijazah masing-masing dalam pelbagai peringkat pengajian dari ijazah doktor falsafah, ijazah sarjana dan ijazah sarjana muda.

Majlis konvokesyen itu berlangsung dalam empat sidang bermula 14 hingga 17 November di Arena Gemilang DeTAR PUTRA, UNIMAS di sini semalam.

Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-20 turut mencatat sejarah baharu dengan peningkatan jumlah graduan yang menerima ijazah merangkumi pelbagai peringkat iaitu seramai 4,275 berbanding 3,919 pada 2015.

Pada tahun ini juga mencatatkan peningkatan graduan doktor falsafah iaitu seramai 67 orang berbanding 51 orang pada 2015.

Disediakan
Bahagian